

JPA(S)324/14/24-1 Klt.11 (16) Siri No.



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 1999

**PINDAAN SKIM-SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT PERGIGIAN GRED U8 DAN
JURUTEKNIK PERGIGIAN GRED U8**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk meminda skim-skim perkhidmatan Jururawat Pergigian Gred U8 dan Juruteknik Pergigian Gred U8 yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan-kelayakan Sijil Jururawat Pergigian dan Sijil Teknologi Pergigian setaraf dengan Diploma. Selaras dengan keputusan tersebut, beberapa perbekalan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan dipinda sewajarnya sesuai dengan pengiktirafan tersebut.

PINDAAN

3. Skim-skim perkhidmatan Jururawat Pergigian dan Juruteknik Pergigian yang berkuatkuasa sekarang dipinda seperti berikut:-

(i) perbekalan di perenggan 1(c)(ii) skim-skim berkenaan ditambah dengan memasukkan peruntukan "**(Gaji permulaan ialah pada gred U8: P1T6)**";

(ii) lapisan gred ditambah dari 3 lapisan U8, U7 dan U6 menjadi 5 yang meliputi **gred-gred tambahan U5, dan U4; dan**

(iii) nama skim perkhidmatan Jururawat Pergigian dikekalkan, manakala nama skim perkhidmatan Juruteknik Pergigian ditukar kepada **Juruteknologi Pergigian**.

Skim-skim perkhidmatan Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian yang baru ialah seperti di **Lampiran 'A' dan 'A1'**.

TARIKH KUATKUASA

4. Tarikh kuatkuasa skim-skim perkhidmatan Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian yang baru ini ialah mulai 1 Julai 1996. Anggota yang dilantik ke skim-skim perkhidmatan berkenaan mulai 1 Januari 1999 hendaklah ditawarkan gaji permulaan P1T6 Gred U8.

PELAKSANAAN

5. Anggota yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan diselaraskan ke gaji permulaan mengikut kaedah-kaedah berikut:-

5.1. Lantikan baru bagi anggota yang memiliki kelayakan Sijil Jururawat Pergigian dan Sijil Juruteknologi Pergigian ke perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan mulai 1 Januari 1999 diberi gaji permulaan P1T6 Gred U8.

5.2. Penyandang Jururawat Pergigian dan Juruteknik Pergigian Gred U8 yang berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun pada 1 Julai 1996 dan berada di matagaji P1T5 atau P2T5 atau P3T5 dan ke bawah hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan baru P1T6 atau P2T6 atau P3T6 Gred U8 mengikut mana yang berkenaan mulai 1 Julai 1996. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) mereka hendaklah berubah ke tahun berikutnya mengikut tarikh ulang tahun diberi pelarasan gaji, iaitu 1 Julai.

5.3. Penyandang Jururawat Pergigian dan Juruteknik Pergigian Gred U8 yang berkhidmat kurang daripada 3 tahun pada 1 Julai 1996 dan telah menghadiri dengan jayanya kursus peningkatan boleh diselaraskan ke gaji P1T6 Gred U8 mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Panel Program Peningkatan ke Skim Diploma Jururawat Pergigian dan

Juruteknologi Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi tidak lebih awal daripada tarikh tamat kursus.

5.4. Penyandang Jururawat Pergigian dan Juruteknik Pergigian Gred U8 yang masih dalam tempoh percubaan atau telah dilanjutkan tempoh percubaan sama ada berdenda atau tanpa berdenda juga diselaraskan ke gaji permulaan P1T6 Gred U8. Bagi Penyandang yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda tarikh pergerakan gajinya berubah mengikut tarikh ulang tahun pengesahan dalam perkhidmatan tahun berikutnya. Manakala penyandang yang dilanjutkan tempoh percubaan tanpa berdenda tarikh pergerakan gaji berubah mengikut tarikh ulang tahun kuatkuasa pelarasan skim iaitu pada 1 Julai.

5.5. Penyandang Jururawat Pergigian dan Juruteknik Pergigian Gred U8 yang telah berada di matagaji P1T6, P2T6 atau P3T6 dan ke atas pada tarikh kuatkuasa, tidak terlibat dalam pelarasan gaji ke skim perkhidmatan yang baru ini.

6. Dalam melaksanakan urusan ini pergerakan gaji yang diputuskan oleh Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) pada tahun 1996 dikekalkan pada tarikh gaji asal (TPG asal). Tarikh pergerakan gaji seterusnya akan berubah pada tarikh ulang tahun kuatkuasa pelarasan skim ini iaitu pada 1 Julai. Contoh bagi menjelaskan kaedah pelaksanaan pelarasan ke gaji permulaan baru Gred U8 bagi penyandang yang terlibat adalah seperti di [Lampiran'B'](#).

7. Skim-skim perkhidmatan yang terlibat dengan pindaan-pindaan ini hanya terpakai kepada anggota yang telah memilih terima opsyen Sistem Saraan Baru (SSB). Anggota yang telah menolak tawaran opsyen SSB adalah kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK). Walau bagaimanapun apabila dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatan berkenaan, anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan SSB mulai tarikh kenaikan pangkatnya.


PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim-skim Perkhidmatan Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1992 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 tahun 1991 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

September 1999

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

JPA(S)324/14/24-1/Klt.11

SKIM PERKHIDMATAN

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **SOKONGAN**
SKIM PERKHIDMATAN : **JURURAWAT PERGIGIAN**
TARIKH KUATKUASA : **1.7.1996**

GRED

JADUAL GAJI

Gred U8 :

P1T1 RM755

P1T26 RM1943

P2T1 RM802

P2T26 RM2087

P3T1 RM851

P3T26 RM2214

Gred U7 :

P1T1 RM1283

P1T19 RM2339

P2T1 RM1330

P2T19 RM2462

P3T1 RM1379

P3T19 RM2583

Gred U6 :	P1T1 RM2009	P1T10 RM2867
	P2T1 RM2078	P2T10 RM3014
	P3T1 RM2150	P3T10 RM3174
Gred U5 :	P1T1 RM2486	P1T7 RM3146
	P2T1 RM2600	P2T7 RM3284
	P3T1 RM2719	P3T7 RM3433
Gred U4 :	P1T1 RM2926	P1T6 RM3586
	P2T1 RM3063	P2T6 RM3748
	P3T1 RM3205	P3T6 RM3915

SYARAT LANTIKAN

1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) terdiri daripada warganegara;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Jururawat Pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred U8: P1T6);**
- DAN
- (d) lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U8, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di para 1(c) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U8 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada **pengalaman kerja** berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** 4. (a) Jururawat Pergigian Gred U8 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- (b) Jururawat Pergigian Gred U8 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.
- LATIHAN** 5. Jururawat Pergigian boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PEPERIKSAAN/KURSUS INDUKSI** 6. (a) Jururawat Pergigian Gred U8 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- (b) Jururawat Pergigian Gred U8 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 7. (a) Jururawat Pergigian Gred U8 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (i) memenuhi tempoh percubaan;

(ii) hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan; dan

(iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(b) Jururawat Pergigian Gred U8 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa sahaja selepas 1 tahun apabila telah:-

(i) memenuhi syarat di para 6(b) di atas; dan

(ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.

KURSUS KENAIKAN PANGKAT

9. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U7

10. Jururawat Pergigian Gred U8 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U7 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;

(c)

- (i) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 9 di atas jika berkenaan; atau
- (ii) memiliki "Sijil Mengajar" dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U6

11. Jururawat Pergigian Gred U7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U6 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 9 di atas jika berkenaan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KEGRED U5

12. Jururawat Pergigian Gred U6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U5 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 9 di atas jika berkenaan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- KENAIKAN PANGKAT GRED U4**
13. Jururawat Pergigian Gred U5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U4 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 9 di atas jika berkenaan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

JPA(S)324/14/24-1/Klt.11

SKIM PERKHIDMATAN

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **SOKONGAN**
SKIM PERKHIDMATAN : **JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN**
TARIKH KUATKUASA : **1.7.1996**

GRED

JADUAL GAJI

Gred U8 :

P1T1 RM755

P1T26 RM1943

P2T1 RM802

P2T26 RM2087

P3T1 RM851

P3T26 RM2214

Gred U7 :	P1T1 RM1283	P1T19 RM2339
	P2T1 RM1330	P2T19 RM2462
	P3T1 RM1379	P3T19 RM2583

Gred U6 :	P1T1 RM2009	P1T10 RM2867
	P2T1 RM2078	P2T10 RM3014
	P3T1 RM2150	P3T10 RM3174

Gred U5 :	P1T1 RM2486	P1T7 RM3146
	P2T1 RM2600	P2T7 RM3284
	P3T1 RM2719	P3T7 RM3433

Gred U4 :	P1T1 RM2926	P1T6 RM3586
	P2T1 RM3063	P2T6 RM3748
	P3T1 RM3205	P3T6 RM3915

SYARAT LANTIKAN

1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) terdiri daripada warganegara;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Juruteknologi Pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **(Gaji permulaan ialah pada Gred U8: P1T6)**;

DAN

 - (d) lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U8, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di para 1(c) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U8 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada **pengalaman kerja** berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** 4. (a) Juruteknologi Pergigian Gred U8 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- (b) Juruteknologi Pergigian Gred U8 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.
- LATIHAN** 5. Juruteknologi Pergigian boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PEPERIKSAAN/KURSUS INDUKSI** 6. (a) Juruteknologi Pergigian Gred U8 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- (b) Juruteknologi Pergigian Gred U8 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 7. (a) Juruteknologi Pergigian Gred U8 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (i) memenuhi tempoh percubaan;
- (ii) hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan; dan

(iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(b) Juruteknologi Pergigian Gred U8 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa sahaja selepas 1 tahun apabila telah:-

(i) memenuhi syarat di para 6(b) di atas; dan

(ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- | | | |
|------------------------------------|-----|---|
| PERGERAKAN GAJI TAHUNAN | 8. | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan. |
| KURSUS KENAIKAN PANGKAT | 9. | Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan. |
| KENAIKAN PANGKAT KE GRED U7 | 10. | <p>Juruteknologi Pergigian Gred U8 adalah layak</p> <p>dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U7 yang kosong apabila telah:-</p> <p>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</p> <p>(b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;</p> <p>(c) (i) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 9 di atas jika berkenaan; atau</p> <p>(ii) memiliki "Sijil Mengajar" dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; dan</p> |

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U6 11. Juruteknologi Pergigian Gred U7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U6 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;

(b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 9 di atas jika berkenaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KEGRED U5 12. Juruteknologi Pergigian Gred U6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U5 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;

(b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 9 di atas jika berkenaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT GRED U4 13. Juruteknologi Pergigian Gred U5 adalah layak KE dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U4 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;

(b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di para 9 di atas jika berkenaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PELAKSANAAN KAEDAH PELARASAN GAJI DAN KEPUTUSAN PPG SKIM PERKHIDMATAN BARU JURURAWAT PERGIGIAN DAN JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN BERKUATKUASA MULAI 1 JULAI 1996 SECARA KEBELAKANGAN

Contoh 1

TPG asal anggota ialah 1 April dan anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 iaitu sebelum tarikh kuatkuasa 1 Julai 1996 skim perkhidmatan baru. Gaji penyandang yang layak diselaraskan ke dalam skim baru ini dan berada di matagaji RM931 (P1T5 Gred U8) pada tarikh kuatkuasa skim diselaraskan ke matagaji RM975 (P1T6 Gred U8) dan TPG berubah pada **1 Julai mulai tahun 1997**. Dengan itu maka pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi keputusan PPG hendaklah mengikut TPG baru mulai tahun 1997.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 1996

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 Julai 1997

Tarikh	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.96	*931 (P1T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi)

			- pergerakan gaji mendatar
1.7.96		975 (P1T6)	Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan skim perkhidmatan baru Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian
1.4.97	975 (P1T6)		TPG asal (Penilaian prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.97		1019 (P1T7)	TPG baru - pergerakan gaji mendatar
1.4.98	1037 (P2T6)		TPG asal (Penilaian prestasi) - pergerakan gaji menegak
1.7.98		1084 (P2T7)	TPG baru - pergerakan gaji menegak

Catatan: * Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 sebelum tarikh kuatkuasa. Oleh itu ia tidak layak diberi keputusan PPG sekali lagi dalam tahun 1996.

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 2

TPG asal anggota ialah 1 Oktober iaitu selepas tarikh kuatkuasa 1 Julai 1996 skim perkhidmatan baru. Penyandang yang layak diselaraskan ke dalam skim baru dan berada di matagaji RM 887 (P1T4 Gred U8) pada tarikh kuatkuasa skim baru diselaraskan ke matagaji RM975 (P1T6 Gred U8). Keputusan PPG 1996 asal dikekalkan pada 1 Oktober 1996 (TPG asal) iaitu pergerakan gaji menegak ke matagaji RM1037 (P2T6 Gred U8) memandangkan anggota berkenaan belum sempat menikmati keputusan PPG skim baru. Mulai tahun 1997, pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi hendaklah mengikut TPG baru iaitu 1 Julai.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 1996

TPG asal : 1 Oktober

TPG baru : 1 Julai mulai 1997

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.10.95	887 (P1T4)	-	TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.96		975 (P1T6)	Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan skim perkhidmatan baru Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian
1.10.96	943 (P2T4)	*1037 (P2T6)	TPG asal (Penilaian prestasi) - pergerakan gaji menegak

1.7.97		1084 (P2T7)	TPG baru - pergerakan gaji mendatar
1.10.97	990 (P2T5)		TPG asal - pergerakan gaji mendatar
1.7.98		1131 (P2T8)	Penilaian prestasi - pergerakan gaji mendatar
1.10.98	1037 (P2T6)		TPG asal (Penilaian prestasi) - pergerakan gaji mendatar

Catatan: *Anggota belum menikmati keputusan PPG 1996 selepas tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru. Oleh itu keputusan PPG asal patut dikekalkan pada TPG asal, iaitu 1.10.96 tahun kalendar kuatkuasa skim baru.

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 3

TPG asal anggota ialah 1 April iaitu sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru 1 Julai 1996. Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 iaitu pergerakan gaji menegak dimata gaji RM943 (P2T4 Gred U8). Penyandang yang layak pada tarikh kuatkuasa skim baru dan berada pada matagaji RM943 (P2T4 Gred U8) diselaraskan ke matagaji permulaan RM1037 (P2T6 Gred U8) pada 1 Julai 1996 (tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru). Mulai tahun 1997, pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi hendaklah mengikut TPG baru iaitu 1 Julai.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 1996

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 Julai mulai 1997

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.95	887 (P1T4)	-	TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.4.96	*943 (P2T4)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji menegak
1.7.96		*1037 (P2T6)	Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan skim perkhidmatan baru Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian

1.4.97	990 (P2T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.97		1084 (P2T7)	TPG baru - pergerakan gaji mendatar
1.4.98	1037 (P2T6)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.98		1131 (P2T8)	Penilaian Prestasi - pergerakan gaji mendatar

Catatan: * Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru. Oleh itu tidak layak diberi keputusan PPG sekali lagi dalam tahun 1996.

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 4

TPG asal anggota ialah 1 Julai iaitu sama dengan tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 1996. Penyandang yang layak telah menikmati faedah keputusan PPG 1996 pada TPG asal tahun 1996 iaitu pergerakan gaji menegak dengan gajinya di matagaji P2T4 (RM943). Memandangkan anggota berkenaan pada tarikh kuatkuasa skim baru telah menikmati faedah keputusan PPG ianya tidak boleh diberi keputusan PPG 1996 sekali lagi. Mulai tahun 1997, pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi hendaklah mengikut TPG lama iaitu 1 Julai.

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 1996

TPG asal : 1 Julai

TPG baru : 1 Julai mulai 1997

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.7.96	*943 (P2T4)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji menegak
1.7.96		*1037 (P2T6)	Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan skim perkhidmatan baru Jururawat pergigian dan Juruteknologi Pergigian
1.7.97	990 (P2T5) (mendatar)	1084 (P2T7)	TPG lama dan baru - pergerakan gaji mendatar

1.7.98	1037 (P2T6) (mendatar)	1131 (P2T8)	Penilaian prestasi - pergerakan gaji mendatar
--------	---------------------------	-------------	--

Catatan: * Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru tetapi gajinya belum sampai pada gaji permulaan skim perkhidmatan baru iaitu P1T6 : RM975, atau RM1037 (P2T6) atau RM1096 (P3T6). Oleh itu, pada tarikh kuatkuasa, gajinya hendaklah diselaraskan kepada P2T6 Gred U8 mengikut Peringkat gajinya pada tahun 1996.

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 5

TPG asal anggota ialah 1 April iaitu sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 1996. Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 iaitu pergerakan gaji menegak di matagaji RM990 (P2T5 Gred U8). Penyandang yang layak pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru dan berada di matagaji RM990 (P2T5 Gred U8) diselaraskan ke matagaji permulaan RM1037 (P2T6 Gred U8) pada 1 Julai 1996 (tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru). Mulai tahun 1997, pergerakan gaji mengikut Penilaian Prestasi hendaklah mengikut TPG baru iaitu 1 Julai

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 1996

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 Julai mulai 1997

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.95	931 (P1T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.4.96	*990 (P2T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji menegak
1.7.96		*1037 (P2T6)	Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan skim perkhidmatan baru Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian

1.4.97	1047 (P3T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji menegak
1.7.97		1096 P3T6)	TPG baru - Pergerakan gaji menegak
1.4.98	1096 (P3T6)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.98		1145 (P3T7)	Penilaian Prestasi - pergerakan gaji mendatar

catatan: * Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru. Oleh itu, tidak layak diberi keputusan PPG sekali lagi dalam tahun 1996.

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 6

TPG asal anggota ialah 1 April sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 1996. Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 iaitu pergerakan gaji melintang di matagaji RM1037 (P2T6 Gred U8) pada 1.4.96. Oleh kerana penyandang pada tarikh kuatkuasa skim baru telah berada di matagaji permulaan di P2T6 (gaji permulaan mengikut peringkat gaji) maka tiada pelarasan gaji diberi pada 1 Julai 1997. Adalah lebih munafaat anggota dikeluarkan daripada urusan pelarasan skim baru ini kerana TPG asal akan dipinda daripada 1 April kepada 1 Julai sekiranya terlibat dalam urusan pelarasan gaji kedalam skim perkhidmatan baru.

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 Julai mulai 1997

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.4.95	931 (P1T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.4.96	1037 (P2T6)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji melintang
1.7.96	1037 (P2T6)	Tidak terlibat	Gaji anggota tidak berubah kerana pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru, gajinya telah berada di matagaji permulaan
1.4.97	1084 (P2T7)	Tidak terlibat	TPG asal (Penilaian Prestasi)

			- pergerakan gaji mendatar
1.4.98	1131 (P2T8)	Tidak terlibat	TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 7

TPG asal anggota ialah 1 Julai iaitu pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru. Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 iaitu pergerakan gaji menegak di matagaji RM990 (P2T5 Gred U8). Penyangang yang layak pada tarikh kuatkuasa skim baru, dan berada di matagaji RM990 (P2T5 Gred U8) belum melepasi gaji permulaan di P2T6 diselaraskan ke matagaji permulaan RM1037 (P2T6 Gred U8) pada 1 Julai 1996 (tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru). Mulai tahun 1997, pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi hendaklah mengikut TPG lama iaitu 1 Julai

Keputusan PPG dikekalkan pada TPG asal pada tahun kuatkuasa iaitu 1996

TPG asal : 1 Julai

TPG baru : 1 Julai mulai 1997

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.7.95	931 (P1T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.96	*990 (P2T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji menegak
1.7.96		1037 (P2T6)	Gaji diselaraskan ke matagaji permulaan skim perkhidmatan baru Jururawat Pergigian dan juruteknologi Pergigian

1.7.97	1047 (P3T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji menegak
1.7.97		1096 (P3T6)	TPG baru - pergerakan gaji menegak
1.7.98	1096 (P3T6)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.98		1145 (P3T7)	TPG baru (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar

Catatan: * Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru. Oleh itu tidak boleh diberi keputusan PPG sekali lagi.

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 8

TPG asal anggota ialah 1 Julai sama dengan tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru iaitu 1 Julai 1996. Anggota telah menikmati keputusan PPG 1996 iaitu pergerakan gaji mendatar RM975 (P1T6 Gred U8). Oleh kerana penyandang telah berada di matagaji permulaan di P1T6 pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada 1 Julai 1996, didapati lebih munafaat bagi anggota berkenaan dikeluarkan daripada urusan pelarasan gaji ke dalam skim perkhidmatan baru kerana kedudukan gaji baru dan TPG baru adalah sama. TPG asal : 1 Julai

TPG baru : 1 Julai mulai 1997

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
1.7.95	931 (P1T5)		TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.96	*975 (P1T6)	Tidak terlibat	TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji mendatar
1.7.97	1084 (P2T7)	Tidak terlibat	TPG asal (Penilaian Prestasi) - pergerakan gaji melintang
1.7.98	1131 (P2T8)	Tidak terlibat	TPG asal - pergerakan gaji mendatar

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 9

TPG asal anggota ialah 1 April iaitu sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru 1 Julai 1996. Anggota telah dilanjutkan tempoh percubaan dengan berenda pada 15 April 1996 dan berada pada matagaji RM887 (P1T4 Gred U8). Anggota layak diselaraskan ke matagaji permulaan RM975 (P1T6 Gred U8) pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru. Tarikh pergerakan gaji berubah mengikut tarikh pengesahan dalam perkhidmatan pada tahun berikutnya.

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 Oktober mulai 1998

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
15.4.93	695 (P1T1)		Lantikan baru.
1.4.94	739 (P1T2)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
1.1.95	799 (P1T2)		Pelarasan gaji mengikut PP 2/96
1.4.95	843 (P1T3)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
1.4.96	887 (P1T4)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.

15.4.96	887 (P1T4)		Dilanjutkan tempoh percubaan berdenda.
1.7.96	887 (P1T4)	975 (P1T6)	Diselaraskan ke gaji permulaan skim perkhidmatan baru.
1.4.97		975 (P1T6)	TPG asal. Tiada pergerakan gaji kerana tempoh percubaan berdenda.
15.10.97		975 (P1T6)	Disahkan dalam perkhidmatan. TPG berubah 1 Oktober.
1.10.98		1019 (P1T7)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
1.10.99		1063 (P1T8)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji

Contoh 10

TPG asal anggota ialah 1 April iaitu sebelum tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru 1 Julai 1996. Anggota telah dilanjutkan tempoh percubaan tanpa berdenda pada 15 April 1996 dan berada pada matagaji RM887 (P1T4 Gred U8). Anggota layak diselaraskan ke matagaji permulaan RM975 (P1T6 Gred U8) pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru. **Tarikh pergerakan gaji berubah pada 1 Julai mengikut tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan baru pada tahun berikutnya.**

TPG asal : 1 April

TPG baru : 1 Julai mulai 1998

Tarikh	Gaji sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	Catatan
15.4.93	695 (P1T1)		Lantikan baru.
1.4.94	739 (P1T2)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
1.1.95	799 (P1T2)		Pelarasan gaji mengikut PP 2/96
1.4.95	843 (P1T3)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
1.4.96	887 (P1T4)		TPG asal. Keputusan PPG mendatar.

15.4.96	887 (P1T4)		Dilanjutkan tempoh percubaan tanpa denda.
1.7.96	887 (P1T4)	975 (P1T6)	Diselaraskan ke gaji permulaan skim perkhidmatan baru. TPG berubah 1 Julai.
1.7.97		1019 (P1T7)	TPG asal. Keputusan PPG mendatar.
15.10.97		1019 (P1T7)	Disahkan dalam perkhidmatan. TPG kekal 1 Julai.
1.7.98		1063 (P1T8)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.
1.7.99		1107 (P1T9)	TPG baru. Keputusan PPG mendatar.

Catatan :

TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

PPG - Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji